

20 MAY 2003

LAW-LEMBAH BIO/I

LEMBAH BIO BAKAL JADI PUSAT KEGIATAN BERKAITAN BIOTEKNOLOGI

PUTRAJAYA, 20 Mei (Bernama) -- Lembah Bio Malaysia akan menempatkan pelbagai kegiatan berkaitan bioteknologi seperti penyelidikan ubatan dan proses bio di atas platform teknologi yang berbeza, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding.

Beliau berkata syarikat berkaitan bioteknologi yang berpusat di Lembah Bio Malaysia akan menikmati prasarana bertaraf dunia dan persekitaran kerja yang kondusif dengan kemudahan dan perkhidmatan.

Ia termasuklah sistem komunikasi canggih, prasarana rangkaian dan perkhidmatan sokongan perniagaan bagi perdagangan, katanya di upacara pecah tanah Lembah Bio Malaysia yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dengkil, dekat sini, hari ini.

Lembah Bio Malaysia, inisiatif sokongan kerajaan yang ditubuhkan untuk mempercepatkan pertumbuhan industri bioteknologi terletak di kawasan seluas 200 hektar di selatan Cyberjaya.

Kira-kira 80 hektar daripada tanah itu akan dimajukan dalam fasa pertama manakala bakinya akan diselesaikan di fasa seterusnya.

Lembah Bio Malaysia akan diwakili oleh tiga institut utama negara iaitu Institut Agro-Bioteknologi, Institusi Farmaseutikal dan Nutraseutikal dan Institut Biologi Genomik dan Molekular di mana ia dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2006.

Law berkata Perbadanan Pembangunan Lembah Bio (BDC) akan ditubuhkan untuk menguruskan kemajuan Lembah Bio Malaysia.

Malaysia terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan bioteknologi terutamanya dalam sektor pertanian sejak 1980-an.

Pada upacara pecah tanah hari ini, dua syarikat -- Inproser Technologies Sdn Bhd dan INS ZHEN-AO Biotech Corporation Sdn Bhd -- memeterai surat hasrat dengan pihak berkuasa berkaitan.

Inproser Technologies diwakili oleh presidennya Henri ten Have manakala INS ZHEN-AO Biotech yang berpangkalan di China diwakili pengarahnya Datuk David Yeat Sew Chuong dan Chen Yu Song.

Sementara itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar diwakili oleh Ketua Setiausahanya, Datuk Leong Ah Hin, dan timbalannya, (dasar) Dr Hashim Hassan, manakala Kementerian Kesihatan oleh timbalan ketua pengarah Datuk Dr Ismail Merican. -- BERNAMA

MKO SHY ZK